



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

- Antara berikut, yang manakah bukan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
 - Raja
 - Pembesar
 - Undang-undang
 - Wilayah pengaruh
- Apakah yang menyebabkan rakyat tidak akan menderhaka kepada pemerintah?
 - Takut ditimpa tulah
 - Takut dibuang negeri
 - Dikenakan hukuman sebat
 - Tidak dibenarkan berdagang
- Istilah di bawah menjadi asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah Jepun semasa era Pemulihan Meiji.

Semangat *Bushido*

Apakah yang anda peroleh kesan daripada semangat di atas?

- Menguatkan pendidikan semata-mata
 - Bekerjasama dengan imperialisme Barat
 - Sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab
 - Memberikan keutamaan yang tidak berbelah bahagi kepada diri dan keluarga
- Maklumat berikut menunjukkan tuntutan yang diminta oleh KMS.

Persatuan	Tuntutan
Kesatuan Melayu Singapura (KMS)	Kebajikan dan pendidikan orang Melayu

Apakah tindakan British untuk memenuhi tuntutan tersebut?


- Mewujudkan lebih banyak pusat pendidikan
- Menggalakkan orang Melayu menubuhkan persatuan
- Menubuhkan syarikat yang diterajui oleh orang Melayu
- Menambah penglibatan orang Melayu dalam perkhidmatan awam

- Pernyataan berikut berkaitan dengan sekatan ekonomi terhadap Jepun.

Amerika Syarikat telah menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk operasi perangnya.

Bagaimanakah Jepun menangani tindakan tersebut?

- Jepun menguasai Asia Tenggara
 - Jepun menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
 - Jepun mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Jerman
 - Jepun melancarkan imperialisme di seluruh rantau Asia Pasifik
- Peta berikut menunjukkan kemaraan tentera Jepun menguasai Tanah Melayu dan Singapura.



Peta 1

Apakah faktor yang mendorong kedatangan Jepun ke negara kita?

- Menguji kekuatan dan keberanian tentera Jepun
- Rakyat negara kita bekerjasama dengan tentera Jepun
- Kedudukan strategik Tanah Melayu untuk kepentingan Jepun
- Membebaskan negara di rantau Asia Tenggara daripada cengkaman penjajah

- 7 Apakah tindakan anda, sekiranya turut terlibat dalam pertubuhan-pertubuhan Melayu sebagai tindak balas menentang Malayan Union (MU)?
- Menganjurkan demonstrasi
 - Menghantar telegram ke London
 - Melancarkan revolusi bersenjata
 - Mengemukakan kes MU ke mahkamah Tinggi England
- 8 Pernyataan berikut berkaitan dengan reaksi penduduk terhadap penyerahan Sabah.

British berjaya mendapatkan Sabah dengan mudah tanpa sebarang penentangan daripada penduduk tempatan.


Mengapakah penduduk tempatan tidak menentang penyerahan Sabah kepada British?

- British menjaga kebajikan penduduk
 - Perbezaan etnik menyukarkan penyatuan
 - British memberi tekanan kepada kesedaran politik
 - Penduduk tempatan diberi peluang dalam pentadbiran
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 9 Berdasarkan maklumat berikut.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

Apakah manfaat yang diperoleh orang Melayu melalui perjanjian tersebut?

- Kebebasan berpolitik
 - Menguasai pentadbiran
 - Menentukan kerakyatan
 - Kedudukan istimewa dilindungi
- 10 Rajah 1 berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Rajah 1

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan pentadbiran tersebut?

- Memupuk perpaduan kaum
 - Mengamalkan prinsip demokrasi
 - Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
 - Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 11 Terdapat pertubuhan yang bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China. Apakah pertubuhan tersebut?
- Huiguang
 - Main School
 - Hung League
 - Parti gerakan
- 12 Rancangan Briggs merupakan langkah yang berkesan untuk melemahkan pergerakan komunis. Apakah tujuan utama rancangan ini dilancarkan pada tahun 1950?
- Memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen
 - Memudahkan pihak keselamatan membezakan orang awam dengan komunis
 - Membantu penduduk memujuk anggota komunis supaya menyerah diri
 - Melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu
- 13 Matlamat di bawah merujuk kepada matlamat sesebuah parti politik yang mencetuskan idea negara merdeka.

Memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya

Apakah parti tersebut?

- Hizbul Muslimin
- Parti Kebangsaan Melayu Melaya (PKMM)
- Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)
- United Malays National Organisation (UMNO)

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 14 Laporan Pendidikan berikut diterbitkan pada tahun 1951.

Laporan Fenn-Wu

Apakah tujuan penerbitan laporan ini?

- I Mengkaji pendidikan Cina
 - II Mencadangkan penambahbaikan sekolah Cina
 - III Menggubal kurikulum yang seragam
 - IV Memansuhkan sekolah vernakular
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Di manakah pilihan raya majlis perbandaran yang pertama diadakan?
- A Kuala Lumpur
 - B George Town
 - C Johor Bahru
 - D Ipoh
- 16 Apakah tugas Setiausaha Kolonial dalam pilihan raya bagi Kerajaan Tempatan di Sabah?
- A Ketua Sempadan
 - B Penguasa Pilihan Raya
 - C Ketua Pengira undi
 - D Pendaftaran pengundi
- 17 Gambar 1 menunjukkan perarakan Tunku Abdul Rahman ke Banda Hilir, Melaka selepas tiba dari London.



Gambar 1

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Pemilihan wakil rakyat
- B Penentuan tarikh pilihan raya
- C Persidangan pemimpin tempatan
- D Pengisytiharan tarikh kemerdekaan

- 18 Parti UMNO dan PAS telah menolak keras isu kewarganegaraan *jus soli* dalam draf perlembagaan.


Apakah alasan yang diberikan oleh kedua parti tersebut?

- A Institusi raja-raja terancam
 - B Kedudukan orang Melayu tergugat
 - C Kemerdekaan sukar dicapai
 - D Mengancam kedudukan Islam
- 19 Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita.

“Kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat. Rakyat perlu berkhidmat untuk negara yang baharu, berusaha dengan tenaga dan fikiran bagi mencipta satu bangsa baharu dengan cita-cita keadilan dan kebebasan.”

Siapakah tokoh yang memberikan definisi kemerdekaan di atas?

- A Soekarno
 - B Mahatma Gandhi
 - C Tun Dr. Mahathir Mohamad
 - D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
- 20 Gambar 2 adalah Jata Negara yang menjadi lambang kebanggaan negara.



Gambar 2

Mengapakah jata tersebut penting kepada negara?

- A Menggambarkan kekayaan alam
- B Melambangkan kemajuan negara
- C Membentuk jati diri kebangsaan
- D Mengukuhkan pentadbiran kerajaan

- 21 Apakah ciri-ciri kedaulatan moden?
 I Pemerintahan berkuasa mutlak
 II Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan
 III Persamaan rumpun bangsa dan bahasa
 IV Wujud sejak tamadun awal manusia
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 22 Pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting dalam mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.
 Pernyataan manakah yang menerangkan peranan tersebut?

	Pemerintah	Rakyat
A	Mewujudkan pentadbiran yang cekap	Menggubal dasar dan undang-undang
B	Mematuhi undang-undang negara	Merangka program perpaduan kaum dan integrasi nasional
C	Memastikan agihan sumber secara adil dan saksama	Melaksanakan undang-undang mengikut perlembagaan negara
D	Memperuntukkan perbelanjaan untuk program	Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan

- 23 Apakah tujuan British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
 A Mengukuhkan perpaduan
 B Mengukuhkan kedudukan penjajah
 C Melindungi penduduk asal
 D Menghapuskan kuasa raja
- 24 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda pada tahun 1963 dan 1965.
 Apakah rasional pindaan tersebut?

- A Perubahan politik dalam negara
 B Atas permintaan Majlis Raja-raja Melayu
 C Mengekalkan keluhuran perlembagaan
 D Desakan daripada pihak British

- 25 Berikut adalah majlis yang dibentuk selepas penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1897.

Durbar

Apakah fungsi majlis tersebut?

- A Membincang hal agama dan adat
 B Membincangkan hal ehwal pentadbiran
 C Menggubal undang-undang Persekutuan
 D Melantik ahli Jemaah Menteri Persekutuan

- 26 Pernyataan berikut berkaitan dengan badan eksekutif pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang memegang portfolio tertentu.

Apakah peranan badan tersebut?

- A Meluluskan sistem cukai baharu
 B Melaksanakan dasar-dasar negara
 C Menggubal undang-undang negara
 D Mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat

- 27 Antara berikut, perkara manakah yang terletak di bawah bidang kuasa dalam Senarai Bersama?
 I Pelajaran
 II Perumahan
 III Kebudayaan dan sukan
 IV Keselamatan dalam negeri
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama sosioekonomi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Tahun	Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah	Wilayah Liputan
2007	Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau Esat Coast Economic Region (ECER)	Pahang, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor.

Bagaimanakah peranan Kerajaan Negeri dalam mencapai matlamat tersebut?

- A** Bantuan kepakaran
B Bantuan kewangan
C Penyediaan buruh
D Penyediaan tanah
- 29** Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan pada 23 Julai 1961 semasa Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura. Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?
- A** Mengumpul pandangan tentang pembentukan Malaysia
B Menyedia rangka perlembagaan Persekutuan Malaysia
C Mencadangkan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak
D Mengekalkan kuasa imigresen kepada Sabah dan Sarawak
- 30** Pada 20 Januari 1963, Dr Subandrio (Menteri Luar Indonesia) mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia. Mengapakah Indonesia bertindak demikian.
- A** Desakan penjajahan barat
B Hasil referendum rakyat
C Penguasaan kekuatan senjata
D Mengancam kedaulatan negara
- 31** Selepas pembentukan Malaysia kita terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Apakah cabaran tersebut?
- A** Pembabitan golongan radikal
B Pelaksanaan pilihan raya umum
C Penyeragaman sistem pendidikan
D Perebutan kuasa antara pemimpin

- 32** Gambar 3 berkaitan dengan peristiwa pengeboman Tugu Negara oleh Parti Komunis Malaya (PKM) pada 26 Ogos 1975.



Gambar 3

Bagaimanakah pihak keselamatan menangani peristiwa tersebut?

- A** Mengisytiharkan darurat
B Melaporkan kepada PBB
C Menangkap anggota PKM
D Memperkuat pasukan perisikan
- 33** Maklumat berikut berkaitan dengan dasar pentadbiran British. Apakah kesan kepada bangsa Malaysia pasca merdeka?
- Pentadbiran
 - Kegiatan ekonomi dan petempatan
 - Sistem pendidikan
 - Fahaman politik
- A** Kepesatan ekonomi
B Kecekapan pentadbiran
C Kerenggangan hubungan
D Keberhutangan tinggi
- 34** Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bagaimanakah bahasa Melayu diperkasakan dalam sistem pendidikan?
- I Menggalakkan penglibatan swasta
 II Menubuhkan Kolej Sultan Abdul Halim
 III Pembukaan sekolah menengah kebangsaan
 IV Mewajibkan penggunaannya dalam semua urusan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 35 Gambar 4 berkaitan dengan Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan yang dilancarkan pada 20 Disember 1974.



Gambar 4

Apakah tujuan rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Menambahkan pendapatan rakyat
 - B Menyusun penempatan penduduk
 - C Menyokong Dasar Ekonomi Baru
 - D Mempelbagaikan tanaman komersial
- 36 Gambar 5 dan 6 berkenaan dengan pelaburan modal saham yang dilancarkan oleh Permodalan Nasional Berhad pada 17 Mac 1970.



Gambar 5



Gambar 6

Mengapakah kerajaan memperkenalkannya?

- A Persaingan dengan pelabur asing
 - B Permulaan integrasi nasional
 - C Pengenal ekonomi moden
 - D Pemilikan saham bumiputera
- 37 Gambar 7 berkaitan dengan bantahan dasar Aparteid di Afrika Selatan.



Gambar 7

Mengapakah Malaysia turut menentang amalan tersebut?

- A Menghapuskan sekatan pelaburan
 - B Mempertahankan hak asasi manusia
 - C Mengelakkan campur tangan asing
 - D Mengurangkan konflik ketenteraan
- 38 Pada tahun 1963 persefahaman antara Malaysia Filipina dan Indonesia telah mewujudkan MAPHILINDO.
- Apakah tujuan penubuhan MAPHILINDO?
- A Menjalinkan kerjasama ekonomi
 - B Menangani ancaman komunis
 - C Mewujudkan kerjasama kebudayaan
 - D Menyelesaikan isu penubuhan Malaysia
- 39 Pemerdagangan manusia merupakan satu strategi jenayah terancang.
- Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi jenayah tersebut?
- A Kemakmuran negara
 - B Kelonggaran imigresen
 - C Kemajuan pelancongan
 - D Ketiadaan undang-undang

40 Gambar 8 menunjukkan inisiatif Malaysia dalam penyelidikan di Antartika.



Gambar 8

Mengapakah negara kita membangkitkan isu penerokaan secara tidak adil ke atas Antartika?

- A Pengambilan secara haram
- B Penyelidikan tanpa sekatan
- C Penguasaan sebahagian kecil negara
- D Penglibatan kuasa besar dunia

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

1249/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

**UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN**

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB
- NO. PUSAT MENUMPANG

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Kesedaran nasionalisme telah lama wujud dalam pemikiran dan tindakan tokoh di negara kita. Kemunculan nasionalisme pada abad ke-20 dipengaruhi oleh pelbagai faktor.

(a) Apakah maksud nasionalisme?

.....
.....

[2 markah]

(b) Kemunculan nasionalisme pada abad ke-20 di negara kita didorong oleh pengaruh luar dan serantau. Jelaskan.

.....
.....
.....
.....


[4 markah]

(c) Mengapakah semangat nasionalisme perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat di negara kita?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Gambar 1 menunjukkan Raja-raja Melayu di hadapan King's House, Kuala Lumpur, selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Gambar 1

(a) Nyatakan dua cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam usaha membina negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh diterima penduduk Tanah Melayu?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Perlembagaan Persekutuan melambangkan kedaulatan negara kita yang merdeka dan bebas memerintah mengikut acuannya sendiri.

(a) Nyatakan maksud perlembagaan.

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

(c) Sejak tahun 1957, Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali. Mengapakah pindaan perlembagaan perlu dilakukan?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Selepas pembentukan Malaysia, kita berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan kemakmuran dan kedaulatan negara terpelihara.

(a) Nyatakan dua cabaran dalaman yang dihadapi pada waktu tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Pada pandangan anda, bagaimanakah cabaran di (a) dapat diatasi?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

“... sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian dengan menahan diri daripada melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan. Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal dari etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain, sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum.”

Sumber: Diubah suai daripada
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/perpaduan-kaum-di-malaysia-perlu-terus-utuh>, 9 September 2019.

Berikan ulasan mengapakah kita perlu menjaga keharmonian kaum di Malaysia.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Serangan tentera Jepun di Tanah Melayu bermula pada 8 Disember 1941, manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.
- (a) Mengapakah Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran tentera Jepun? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah tentera Jepun menjalankan dasar pentadbiran, ekonomi dan sosial di ketiga-tiga wilayah tersebut? [8 markah]
- (c) Gambar 2 merupakan propaganda yang telah digunakan Jepun untuk menguasai negara kita.



Gambar 2

Pada pandangan anda, mengapakah Jepun menggunakan pelbagai propaganda untuk menguasai negara kita? [6 markah]

- 6 Gambar 3, 4 dan 5 merujuk proses pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 sebagai langkah ke arah mencapai kemerdekaan.



Gambar 3



Gambar 4



Gambar 5

Sumber: www.utusan.com.my

- (a) Jelaskan proses pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu. [6 markah]
- (b) Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk hasil kejayaan pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu.
Bincangkan peranan kabinet tersebut. [6 markah]
- (c) Huraikan kepentingan pilihan raya kepada negara yang merdeka. [8 markah]
- 7 Pembentukan sistem Persekutuan di negara kita bermula sejak tahun 1896. Sistem Persekutuan telah memantapkan pentadbiran negara kita pada hari ini.
- (a) Jelaskan konsep sistem Persekutuan di negara kita. [4 markah]
- (b) Terangkan peranan berikut:
(i) Pentadbiran Kerajaan Negeri [4 markah]
(ii) Pentadbiran Kerajaan Persekutuan [4 markah]
- (c) Konsep pembahagian kuasa yang diamalkan di negara ini membawa manfaat kepada rakyat Malaysia.
Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]

8 Ilustrasi menunjukkan keunikan dan kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia.



- (a) Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memperkasakan perpaduan rakyat?
[6 markah]
- (b) Berikut merupakan prinsip Rukun Negara.

RUKUN NEGARA
Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-undang
Kesopanan dan Kesusilaan

Jelaskan matlamat Rukun Negara dalam usaha melahirkan masyarakat bersatu padu, aman dan sejahtera.
[6 markah]

- (c) Pernyataan berikut berkaitan perpaduan rakyat Malaysia.

“Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama menjadi cabaran kepada negara dalam usaha membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya.”

Sumber: Berita Harian, 31 Januari 2020

Berdasarkan pernyataan tersebut, terangkan kepentingan memperkukuh perpaduan rakyat negara ini.
[8 markah]

9 Gambar 6 berkaitan pelibatan Malaysia dalam isu global kontemporari.



Gambar 6

- (a) Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia bagi mencegah penyalahgunaan dadah pada peringkat antarabangsa? [6 markah]
- (b) Malaysia memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa dalam isu kemanusiaan dan keamanan. Buktikan. [6 markah]
- (c) Kerjasama dalam kalangan masyarakat penting bagi mengawal penularan wabak penyakit di Malaysia. Berikan ulasan anda. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT